

# MELAKA

*Di sinilah segala-galanya bermula*

Syed Ahmad Syed Kassim  
Kamarolzaman Mohd. Jidi  
Suraya Hani Kamarolzaman  
Muhammad Taufik Kamarolzaman  
Muhammad Khairi Aziz



2012

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2012

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Melaka: di sinilah segala-galanya bermula / Syed Ahmad bin Syed Kassim...(et al.)

Bibliografi :ms. 209

ISBN 978-967-0468-03-7

1. Melaka--History. 2. Melaka--Politics and government.
3. Melaka--Economic. Conditions. 4. Melaka--Social conditions.
- I. Syed Ahmad Syed Kassim, Dato'. 1948-.  
959.5118

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja,

Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 7051 / 7454

No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: pt@uthm.edu.my

Penerbit UTHM adalah anggota  
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia  
( MAPIM )

Dicetak oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja,

Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 7051 / 7454

No. Faks: 07-453 6145

## SEKAPUR SIREH YAB KETUA MENTERI MELAKA



Saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada Dato'Syed Ahmad bin Syed Cassim dan Prof. Madya Dr. Kamarolzaman bin Hj. Mohd. Jidi serta rakan-rakan penulis lain yang berjaya menulis sebuah buku bertajuk "Melaka – Di Sinilah Segala-galanya Bermula".

Saya kira pembaca-pembaca akan dapat memahami ungkapan "MELAKA: DI SINILAH SEGALA-GALANYA BERMULA" setelah membaca buku yang merupakan coretan sejarah negeri Melaka sejak ianya dibuka oleh Parameswara sehinggalah negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Bahawasanya coretan sejarah tanahair kita bermula dari pembukaan negeri Melaka pada tahun 1394 oleh Parameswara dan seterusnya mempelopori pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka sehingga Melaka dijajah oleh Portugis, Belanda, dan seterusnya oleh Inggeris sehinggalah membangkitkan sentimen anti-penjajah oleh rakyat Tanah Melayu. Kemuncak sentimen kebencian orang Melayu khasnya kepada penjajah Inggeris berlaku ketika pihak Inggeris menubuhkan *Malayan Union* pada 1 April 1946 yang telah menggugurkan kuasa Raja-Raja Melayu dan juga isu kerakyatan.


Bertolak dari peristiwa itu maka tertubuhlah sebuah parti yang memperjuangkan orang Melayu, iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1946 berdasarkan kepada keputusan yang telah dibuat oleh Kongres Melayu yang telah diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946 di Kuala Lumpur. Setelah kebencian rakyat kepada penjajah British telah begitu kuat, telah memaksa YTM Tunku Abdul Rahman dan rombongannya untuk pergi ke London bagi menuntut kemerdekaan Persekutuan Tanah

Melayu. Akhirnya di dalam Perjanjian yang telah adakan di London pada 8 Februari 1956, Kerajaan British telah bersetuju memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sedar akan pentingnya sejarah negeri Melaka. Beliau telah membuat keputusan untuk melakukan pengisytiharan hari kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu bertempat di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956. Dengan ini sekali lagi Melaka membuka tirai yang kedua, iaitu pengisytiharan penubuhan sebuah kerajaan yang merdeka menjalankan amalan demokrasi berparlimen bagi sebuah kerajaan yang merdeka sehingga ke hari ini.

Pada rumusannya, Melaka telah berperanan sebagai pembuka tirai bagi dua peristiwa, iaitu peristiwa pembukaan negeri Melaka oleh Parameswara pada tahun 1394 yang membawa kepada penubuhan kerajaan di bawah Kesultanan Melayu, Melaka; dan keduanya, peristiwa pengisytiharan hari kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang dilakukan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 20 Februari 1956 di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka. Jadikanlah buku ini sebagai sebuah coretan sejarah bagi negeri Melaka sejak ianya dibuka pada tahun 1394 sehingga Negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Bahwasanya banyak peristiwa-peristiwa yang dapat disaksikan di dalam buku ini yang menggambarkan pahit manis yang dilalui oleh penduduk negeri Melaka dan rakyat Malaysia semenjak ianya dijajah oleh penjajah-penjajah Portugis, Belanda, dan Inggeris sehingga mencapai kemerdekaan.

Sekian, terima kasih.



.....  
(YAB DATUK SERI HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM)  
KETUA MENTERI MELAKA.

## **SEULAS PINANG YBHG PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH PERZIM**

Penulisan semula akan Persejarahan Kerajaan Melayu Melaka sehingga Kerajaan Negeri Melaka hari ini adalah untuk memartabatkan sejarah Malaysia. Transformasi pengkisahan sejarah Kesultanan Melayu Melaka di zaman sebelum kejatuhan pada 24 Ogos 1511, akan mampu mengimbau kembali keagongan dan kegemilangan Empayar Kesultanan Melayu Melaka pada hujung kurun ke-13 itu.

Ibnu Khaldun berkata bahawa sejarah silam itu sentiasa dicari-cari oleh semua negara dan bangsa yang bermaruah dan bertamadun di dunia ini. Dalam hubungan ini, penerbitan ini seumpama `Mutiara Kilauan Melaka` iaitu sebuah buku bertajuk MELAKA: DI SINILAH SEGALA-GALANYA BERMULA, akan menjadi ingatan dan panduan yang amat penting kepada generasi ketika ini, akan datang serta sebagai persejarahan Ketamadunan Pensejarahan Malaysia generasi akan datang. Ianya amat penting sebagai Tinta Emas penulisan akademikus yang sejati Dato' Syed Ahmad bin Syed Kassim dan Prof. Madya Dr. Kamarolzaman bin Hj. Mohd. Jidi dan penulis-penulis lain, untuk menyemai dan menaikkan semangat patriotisme bangsa Malaysia yang berjiwa besar.

Dalam pengkisahan Melaka yang dihuraikan dari bab demi bab secara ilmiahnya telah menerbitkan unsur psikologi kemartabatan bangsa Malaysia. Pensejarahan ini telah membuktikan bahawasanya Kerajaan Negeri Melaka itu telah mensejarahkan bahawa bangsa Melayu adalah telah mendominasi pelbagai bangsa seperti Cina, India, dan lelain bangsa di Melaka ketika itu. Nukilan sejarah ini membuktikan walaupun pemerintahan

didominasi oleh bangsa Melayu namun mereka dapat hidup seumpama `aur dengan tebing` saling rukun dan damai sama ada dari segi budaya, sosial, ekonomi dan aspek-aspek lain.

Pada kesempatan ini, kami ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) yang selama ini telah memberi dorongan dan menggalakkan para akademikus sejarawan, untuk bersama-sama mengangkat akan persejarahan yang bernilai untuk rakyat Malaysia menghadapi cabaran globalisasi.

Akhir kata, hayatilah nilai-nilai sejarah, peradaban dan tamadun asal usul ketamadunan Melayu dari Melaka Malaysia itu, agar dapat kita cetuskan suatu rasa dan semangat patriotik yang unik dan teguh sebagai asas bangsa Malaysia yang dapat melakukan Transformasi Ketamadunan Unggul rakyat Malaysia di dalam membangunkan Malaysia menuju Wawasan 2020.

Terima kasih,



.....  
YBHG. DATUK WIRA HAJI HAMDIN BIN ABDULLAH.  
Pengerusi Lembaga Pengarah,  
Perbadanan Muzium Negeri Melaka(PERZIM), Melaka.

## PRAKATA

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t di atas limpah kurnia-Nya, akhirnya buku "MELAKA: DISINILAH SEGALAGALANYA BERMULA.." dapat diterbitkan dengan jayanya. Bermula daripada sejarah pembukaan negeri Melaka, bermulanya pemerintahan kesultanan Melayu Melaka dan bentuk sistem pemerintahan kesultanan Melayu Melaka. Fakta-fakta ini amat penting sebagai landasan dan gagasan persejarahan unggul negara dan bangsa Malaysia.

Seterusnya bab keempat hingga bab kesembilan mengisahkan kejatuhan kesultanan Melayu Melaka daripada satu penjajah kepada penjajahan lain iaitu daripda Penjajah Portugis, Belanda dan seterusnya Inggeris. Bahkan di dalam bab-bab ini, penghuraian yang teliti akan sebab musabab kejatuhan kesultanan Melayu Melaka dilakukan dan menghuraikan implikasi kelemahan-kelemahan dan kegagalan melakukan transformasi pentadbiran secara bersistematis.

Sementara itu, buku ini juga telah menerangkan sejarah pendudukan Jepun ke atas Tanah Melayu pada tahun 1941-1945 ketika era Perang Dunia kedua. Ianya mengisahkan bentuk pemerintahan dan segala implikasi positif dan negatif kepada rakyat Tanah Melayu. Di bahagian ini juga, dapat menyingkap penentangan terhadap pemerintahan Jepun, khususnya oleh Perjuangan dari `Force 136` dan lain-lain komuniti.

Tanggal 15 feb 1945, penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu tamat dengan Pengeboman Bandar Hiroshima dan Nagasaki dan Pemerintahan Tentera British (BMA) telah mengambil alih Tanah Melayu. Kerangka *Malaysian Union*, Persekutuan Tanah Melayu (PTM), Parti Komunis Malaya (PKM) dan Peristiwa Darurat telah